

10 DEC 1996

DR MAHATHIR PUAS HATI DENGAN PEMBINAAN KLIA

SEPANG, 10 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berpuas hati dengan kemajuan pembinaan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang walaupun ada sesetengah aspek yang ketinggalan sedikit daripada jadual.

Katanya, kebanyakannya mengikut jadual dan beliau yakin operasi KLIA boleh dimulakan pada 1 Jan 1998 seperti yang dijadualkan.

Kebanyakan pakej pembinaan akan siap pada penghujung atau suku ketiga tahun depan, kata Perdana Menteri selepas melawat tapak pembinaan lapangan terbang itu di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau dimaklumkan bahawa landasan pertama akan siap pada hujung bulan ini.

Beliau berkata walaupun kerja dijalankan dengan cepat, mereka tidak akan bertolak ansur daripada segi kualiti.

Walaupun ada sedikit masalah daripada segi kualiti, beliau yakin pihak yang berkenaan akan megambil langkah mengatasinya dan tidak akan bertolak ansur dalam perkara itu. -- BERNAMA

MAM NMO